

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 FEBRUARI 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12

Kerajaan akan bangun NRR untuk galak penggunaan teknologi robotik

Kuala Lumpur: Kerajaan akan membangunkan Pelan Hala Tuju Robotik Negara (NRR) dalam mengarusperdagankan penggunaan teknologi robotik.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelan itu mampu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing seterusnya meminimumkan pengaliran mata wang ke luar negara.

Katanya, kapadatan robot di Malaysia bagi setiap 10,000 pekerja pada 2019 adalah 55 unit dan sasarannya adalah 195 unit bagi setiap 10,000 pekerja menjelang 2030.

Katanya, kerajaan juga menyokong konsep Projek Pemangkin bagi memacu Aspirasi MyDIGITAL.

"Mesyuarat bersetuju menubuhkan Pasukan Petugas Projek Pemangkin MyDIGITAL untuk memilih projek yang sesuai dan memantau pelaksanaan membabitkan kerjasama antara sektor awam dan swasta.

Kerajaan akan bangun NRR untuk galak penggunaan teknologi robotik

"Projek Pemangkin akan dibayarkan sektor swasta dan kerajaan akan memainkan peranan sebagai pemudahcara. Contohnya perubatan pintar dengan menyarkan penubuhan hospital menggunakan teknologi 5G bagi meningkatkan taraf penjagaan kesihatan rakyat.

"Bandar Pintar menyasarkan pelbagai kes kegunaan (*use cases*) berguna bagi memastikan kelestarian kehidupan yang lebih bermakna," katanya yang mempernegerusikan mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MEDeIRN) yang diadakan buat kali pertama tahun ini, semalam.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat juga mengambil maklum kemajuan dan pencapaian inisiatif melalui Pe-

lan Jalinan Digital Negara (Jendela).

"Sebanyak 1.89 juta premis baru yang diliputi dengan capaian gentian optik dan sebanyak 1,189 menara 4G baharu dibina dari September 2020 sehingga Disember tahun lalu.

"Di bawah Fasa 1, sebanyak 6.85 juta premis diliputi dengan capaian gentian optik dan liputan 4G di kawasan berpenduduk mencatatkan 95 peratus setakat 31 Disember tahun lalu," katanya.

Menurutnya, Digital Nasional Berhad (DNB) juga sudah memulakan akses kepada rangkaian borong 5G di mana sebanyak 500 tapak 5G diaktifkan setakat 31 Disember ta-

hun lalu di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Cyberjaya dan Kuala Lumpur.

"DNB juga menyasarkan 3,500 tapak (36 peratus liputan di kawasan berpenduduk) pada penghujung tahun ini.

"Melalui program Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (Pupuk), sebanyak 883 Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) sedang beroperasi manakala 28 lagi akan beroperasi menjelang 31 Mac depan di seluruh Malaysia.

"Inisiatif ini menyediakan akses internet kolektif serta program keusahawanan kepada masyarakat setempat," katanya.

Ismail Sabri berkata, tanggal 19 Februari ini adalah ulang tahun pertama pelancaran Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) serta pengenalan MyDIGITAL sebagai satu inisiatif kerajaan untuk mentransformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi serta peneraju serantau dalam ekonomi digital.

“Mesyuarat setuju menubuhkan Pasukan Petugas Projek Pemangkin MyDIGITAL
Ismail Sabri

